



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

SAMBUTAN BULAN WAKAF KEBANGSAAN 2026

Memperkasa wakaf sebagai instrumen pembangunan masyarakat dan negara

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) hari ini telah melancarkan Bulan Wakaf Kebangsaan 2026 (BWK) sebagai inisiatif nasional berterusan untuk memperkukuh budaya wakaf dalam kalangan masyarakat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

BWK mula diperkenalkan pada tahun 2021, dengan matlamat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan dan potensi wakaf dalam pembangunan sosioekonomi ummah. Ia juga berperanan membina ekosistem wakaf yang mampan, yang secara holistik menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Wakaf merupakan instrumen kewangan sosial Islam yang berpotensi besar dalam menyokong pembangunan pendidikan, kesihatan, kebajikan dan ekonomi ummah.

Dengan tema 'Wakaf Membangun Malaysia MADANI', pengisian aktiviti tahun ini memberi tumpuan kepada pembangunan ekosistem digital bagi aspek penerimaan dan pengagihan dana wakaf. Kedua-dua aspek ini amat penting bagi tujuan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan dana wakaf yang diuruskan oleh YWM serta Majlis Agama Islam Negeri. Daripada sudut penerimaan dana wakaf, semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang agama boleh menyumbang dan menerima manfaat wakaf.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menerusi siaran langsung di rancangan Assalamualaikum TV AlHijrah.

BWK 2026 memberi fokus kepada lima (5) teras utama iaitu:

1. **Pembudayaan dan Literasi Wakaf** – memperluas kefahaman masyarakat serta memudahkan akses kepada saluran wakaf yang sah dan diyakini.

2. **Tadbir Urus Berintegriti dan Telus** – memperkukuh pengurusan wakaf melalui pematuhan piawaian perakaunan Islam dan amalan terbaik tadbir urus.
3. **Pemerkasaan Aset Wakaf Secara Produktif** – membangunkan aset wakaf agar lebih berimpak melalui projek kesihatan, pendidikan, pemerkasaan ekonomi, persekitaran, pertanian dan kebajikan.
4. **Pelaksanaan Wakaf Bertempoh (*Muaqqat*)** – membuka ruang penyertaan lebih luas termasuk sektor korporat bagi sumbangan berimpak segera dan fleksibel.
5. **Pendigitalan Wakaf** – memperkenalkan aplikasi mudah alih bagi memudahkan orang ramai berwakaf secara digital.

Bagi menyemarakkan Sambutan BWK tahun ini serta memperkukuh kecekapan pengurusan terimaan dana wakaf, YWM memperkenalkan **Aplikasi Go Wakaf** sebagai inisiatif pendigitalan strategik. Aplikasi ini disediakan bagi memudahkan orang ramai melaksanakan ibadah wakaf secara dalam talian melalui telefon bimbit dengan lebih cepat, selamat dan telus.

Melalui pendekatan digital ini, YWM menasaskan kutipan sebanyak **RM1 juta sepanjang Bulan Wakaf Kebangsaan 2026** menerusi terimaan di keseluruhan platform rasmi YWM. Sebagai pelengkap kepada usaha tersebut, kempen kesedaran khas mengenai kepentingan dan tatacara berwakaf yang betul akan disiarkan di semua stesen televisyen utama negara bagi meningkatkan literasi wakaf dalam kalangan rakyat Malaysia.

Selain itu, pengenalan **Garis Panduan Pungutan Dana Wakaf Al-Quran turut diperkenalkan bertujuan memastikan amalan mewakafkan Al-Quran dilaksanakan secara lebih teratur, berintegriti dan selaras dengan kehendak syariah serta peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.**

JAWHAR dan YWM menyeru seluruh rakyat Malaysia termasuk individu, institusi dan sektor korporat menjadikan wakaf sebagai budaya berterusan dan bukan sekadar amalan bermusim. Wakaf adalah pelaburan akhirat yang manfaatnya berkekalan, serta berpotensi menjadi instrumen strategik dalam menyokong kesejahteraan sosial dan pembangunan negara secara mampan.

Untuk makluman, setiap sumbangan wakaf di bawah Skim Wakaf Tunai Malaysia YWM adalah merupakan projek berkepentingan nasional, yang membolehkan setiap pewakafan tunai kepada YWM layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 44 (11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kini bermula serendah RM1.00, anda boleh berwakaf secara potongan gaji di YWM atau salurkan sumbangan wakaf ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia dengan mengimbas QR Duitnow di bawah,



-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
19 Februari 2026**

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Encik Zulkurnain bin Hassan
Ketua Unit Integriti dan Komunikasi Korporat
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
018-394 9103 | zulkurnain@jawhar.gov.my